

20 JUN 2002

Umno-Reaksi (Veteran)

ORANG MELAYU GAGAL UBAH SIKAP KERANA AMBIL SIKAP MUDAH

KUALA LUMPUR, 20 Jun (Bernama) -- Orang Melayu perlu sentiasa diingatkan mengenai perubahan sikap ke arah kecemerlangan agar mereka tidak mudah berpuashati dengan apa yang dicapai, kata tokoh veteran Umno Tan Sri Aziz Tapa.

Katanya orang Melayu akan berubah dengan cepat apabila menghadapi tekanan dan keadaan yang sukar.

"Orang Melayu sudah berubah tetapi perubahannya slow (lembab) sikit. Cara dia itu macam juga lambaian daun kelapa kerana kadang-kadang alam mempengaruhi perubahan kita melainkan dengan ilmu," katanya kepada pemberita semasa mengulas ucapan Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Perhimpunan Agung Umno 2002 di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini hari ini.

Dr Mahathir dalam ucapannya antara lain mengingatkan orang Melayu bahawa kuasa politik belum dapat menjamin keselamatan mereka selagi mereka terus lemah dan miskin.

Aziz menyifatkan ucapan Dr Mahathir yang bertemakan "Mendedahkan Yang Terbuka" bertujuan menyedarkan sekali lagi orang Melayu dan Bumiputera mengenai perjuangan bangsa dan masalah yang dihadapi.

Mengenai teguran bagi menyedarkan orang Melayu yang telah berulang kali dibuat, tokoh veteran itu berkata ia perlu dilakukan.

"Kita kena buat macam pepatah Perancis yang menyatakan ketuk pintunya sekali kalau tidak terbuka, ketuk berkali-kali sehingga terbuka. Doa pun kalau sekali Tuhan tak makbulkan, mesti selalu berdoa pagi, petang, siang, malam berulang kali dan keluar air mata baru boleh jadi," katanya.

Bekas timbalan perdana menteri Tun Abdul Ghafar Baba berkata ucapan Dr Mahathir mempunyai mesej yang mendalam untuk menyedarkan bangsa Melayu mengenai perlunya perubahan sikap.

"Ucapan Dr Mahathir memang bagus...itu la.. tapi orang Melayu memang tak sedar dan mereka harus disedarkan lagi", katanya.

Ghafar berkata walaupun setiap tahun Dr Mahathir memberi ucapan yang bertujuan untuk menyedarkan orang Melayu tetapi adalah menyedihkan apabila orang Melayu masih tidak mahu berubah seperti yang diharapkan.

Pengerusi Lembaga Disiplin Umno Tan Sri Tengku Ahmad Rithaudeen berkata Dr Mahathir ternyata kecewa dengan sikap orang Melayu yang tidak sanggup menerima saranan supaya mengamalkan nilai murni.

"Dia tidak puas hati kerana (orang) Melayu tidak menjadi bangsa yang boleh dipercepatkan kemampuan mereka jika dibandingkan dengan bangsa lain," katanya.

Beliau berkata ucapan Dr Mahathir juga bertujuan membangkitkan semangat orang Melayu agar berusaha lebih gigih dan mampu bersaing dengan semua golongan.

-- BERNAMA

HS AZE RZS AZZ RON